

TARIKH : 25/8/2022

SURAT KHABAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 33

+

 www.hmetro.com.my 33

## lokal

### 663 kes kemalangan orang kerja sendiri

**Langkawi:** Sebanyak 663 kes kemalangan membabitkan orang bekerja sendiri (OBS) dicatat dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Dr Mohammed Aziz Mohammed berkata, daripada jumlah itu 637 kes atau 96.1 peratus membabitkan bencana pekerjaan manakala 26 kes bukan bencana pekerjaan.

"Dalam tempoh sama, sebanyak 17 kes kemalangan maut membabitkan OBS direkodkan dengan 16 daripadanya adalah kemalangan di tempat kerja.

"Secara purata, tiga kes kematian akibat kemalangan membabitkan OBS bagi setiap bulan," katanya pada Program Janji Selamat, Kekal Selamat di Jeti Lembaaga Kemajuan Ikan Malaysia Penarik di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan Pengarah Perkeso Kedah, Mohamad Haron Othman.

Harian Metro : 25/8/22

+